



Ruj : KKM.500/3/4/9 Jld.13 (28)
Tarikh : 16 April 2023

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

HEBAHAN PELAWAAN PERMOHONAN PROGRAM PENAJAAN KUMPULAN PELAKSANA (PPKP) TAHUN 2023

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mempelawa Pegawai Kumpulan Pelaksana dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan yang sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memohon kemudahan berikut:

- (i) **Program Penajaan Kumpulan Pelaksana (PPKP) bagi pengajian Ijazah Pertama, Diploma, Diploma Kemahiran Malaysia atau Sijil Kemahiran Malaysia secara SEPENUH MASA**

Permohonan dibuka mulai **3 April hingga 30 November 2023** (tertakluk kepada jumlah slot yang berbaki). Borang permohonan yang lengkap beserta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah disahkan, dihantar dan diterima oleh Bahagian Pengurusan Latihan, KKM **selewat-lewatnya SEBULAN sebelum tarikh memulakan pengajian** untuk permohonan tersebut dipanjangkan kepada JPA. Maklumat lanjut berkaitan bidang pengajian, syarat-syarat dan tatacara permohonan ini perlu merujuk perincian di **Lampiran A**.

(ii) **Program Penajaan Kumpulan Pelaksana (PPKP) bagi pengajian Ijazah Pertama secara SEPARUH MASA**

Permohonan dibuka mulai **3 April hingga 19 Mei 2023**. Tarikh akhir penerimaan borang permohonan yang lengkap beserta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah disahkan, dihantar dan diterima oleh Bahagian Pengurusan Latihan, KKM **selewat-lewatnya 19 Mei 2023** untuk permohonan tersebut dipanjangkan kepada JPA. Maklumat lanjut berkaitan bidang pengajian, syarat-syarat dan tatacara permohonan ini perlu merujuk perincian di **Lampiran B**.

3. Calon dinasihatkan untuk memahami dan mengikuti tatacara permohonan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan permohonan ditolak. Dalam hal ini, Ketua Jabatan disarankan untuk mempertimbangkan calon-calon yang layak dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja. Pegawai yang dicalonkan hendaklah memohon untuk mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik sedia ada yang telah dimiliki.

4. Semua permohonan hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan di dalam notis hebahan bertarikh 3 April 2023 yang boleh **dimuat turun melalui laman sesawang JPA di <http://esilav2.jpa.gov.my>**. Semua dokumen permohonan yang dilampirkan hendaklah disahkan oleh pegawai yang berkelayakan mengikut jenis permohonan di perenggan 2 (i) atau (ii) di atas dan dihantar kepada alamat berikut:

**Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 1
(Program Kepakaran 1)
Cawangan Operasi Latihan
Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, Menara Prisma,
No 26, Persiaran Perdana, Presint 3
62675, PUTRAJAYA
(u.p: Urus Setia PPKP)**

5. Kerjasama YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan untuk memaklumkan pelawaan kemudahan PKPP ini kepada semua Pegawai Kumpulan Pelaksana yang berminat dan berkelayakan di Jabatan YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(AZLAN BIN AHMAD)

Bahagian Pengurusan Latihan
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k:

- (i) Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia
- (ii) Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia
- (iii) Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia
- (iv) Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia
- (v) Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian
Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

- (vi) Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

- (vii) Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan
Program Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

- (viii) Pengarah Perkhidmatan Kejuruteraan
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Kesihatan Malaysia

- (ix) Pengarah
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia

- (x) Pengarah
Bahagian Kejururawatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

- (xi) Ketua Penolong Pegawai Perubatan
Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

Semua Pengarah Bahagian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Setiausaha Bahagian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Pengarah Hospital
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Pengarah Institut
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Pengarah
Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia